

# UMP perluas kerjasama

**Kuala Lumpur:** Universiti Malaysia Pahang (UMP) memeterai dua memorandum perjanjian (MoA) dengan Muscat College, Oman dan German-Malaysia Institute (GMI) bagi mengukuhkan hubungan kerjasama akademik dan penyelidikan.

MoA ditandatangani Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, Pengerusi Muscat College Oman, Dr Ahmed Abdullah Al-Ghazali dan Pengarah Urusan GMI, Yusoff Md Sahir.

Prof Daing Nasir berkata, kerjasama UMP dan Muscat College ialah manifestasi kepada peningkatan kualiti akademik UMP bagi memastikan program ditawarkan mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Sebagai permulaan, katanya, tiga program akademik UMP iaitu Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Sains Komputer Kejuruteraan Perisian, Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Sistem Komputer & Rangkaian dan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Projek akan ditawarkan di Muscat College.

## Pengambilan pelajar

“Kerjasama ini akan memberi manfaat kepada aktiviti pembangunan akademik dan penyelidikan termasuk pertukaran staf, pelajar serta memperkasa program akademik dalam bidang kejuruteraan dan teknologi, sains, pentadbiran, perniagaan dan sistem komputer,” katanya.

Mengenai kerjasama UMP dengan GMI, beliau berkata perkara ini membabitkan Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Pembuatan) dan Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Elektrikal).

Katanya, program itu ditawarkan secara luar pesisir dengan kawalan bagi pengambilan pelajar GMI, sukatan pelajaran, peperiksaan, arahan dan anugerah terletak di bawah kuasa Senat UMP.

“Kumpulan pertama pelajar GMI bagi program luar pesisir yang mendaftar bagi sesi akademik 2014/2015 terdiri daripada 59 pelajar dengan jumlah pengambilan yang sama bagi kedua-dua program,” katanya.

Daing Nasir (kanan) bertukar-tukar dokumen dengan Ahmed (tengah) dan Yusoff selepas menandatangani MoA kerjasama antara UMP dengan Muscat College Oman dan GMI.



BH V3 / Khamis 2 Okt 2014